



MAJLIS DAERAH BACHOK  
BANDAR PELANCONGAN ISLAM  
16300 BACHOK  
KELANTAN

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

## PEMBERITAHUAN

### IKLAN TAWARAN PAJAKAN STESEN BAS BANDAR BARU JELAWAT

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/34/(18)

Tarikh : 5 Ogos 2024

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memajak Stesen Bas Bandar Baru Jelawat yang dilengkapi dengan kategori seperti berikut ;-

Bil	Perkara	Bil. Unit/Ruang
1.	Kaunter Tiket	4
2.	Stesen Bas	1
3.	Kiosk Runcit	1
4.	Tandas	1
5.	Surau	1

2. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 44,976.00 setahun iaitu bersamaan RM 3,748.00 sebulan dengan kenaikan kadar pajakan 10% bagi setiap tiga (3) tahun perjanjian.
3. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan/deposit sebanyak RM500.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya manakala pemohon yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
4. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulis atasnya "**TAWARAN PAJAKAN STESEN BAS BANDAR BARU JELAWAT**" dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini dan dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH BACHOK,  
16300 BACHOK, KELANTAN.**


Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 11 Ogos 2024 (Ahad) bersamaan 6 Safar 1446H.

5. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.
6. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan kawasan stesen bas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.
8. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran sewa dan hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”**  
**“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG)**  
**Setiausaha,**  
**Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.**  
b.p : Yang Dipertua  
Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam  
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/34/(18)  
Tarikh : 5 Ogos 2024